

18/11/2003

5,000 beri sambutan meriah di Alor Star

ALOR STAR: Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, diberi sambutan meriah oleh lebih 5,000 orang sebaik tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, petang semalam.

Ini kali pertama mereka pulang ke Kedah selepas Dr Mahathir bersara sebagai Perdana Menteri hujung bulan lalu.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah yang tiba kira-kira jam 3.45 petang turut disambut oleh Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; Penasihat Agama Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman; ahli-ahli Exco, wakil rakyat, ahli Jawatankuasa badan Perhubungan Umno Kedah dan ahli Umno serta ahli parti komponen Barisan Nasional (BN) Kedah.

Orang ramai turut membawa pelbagai sepanduk menyatakan terima kasih dan penghargaan kepada bekas Perdana Menteri itu.

Ramai yang mengambil peluang untuk bersalam dan melihat Dr Mahathir dari dekat sebaik beliau turun dari tangga pesawat Falcon 900 milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Dr Mahathir kemudian mengadakan sidang akhbar di Bilik Bunga Mawar sebelum melawat Pekan Rabu.

Beliau kelihatan ceria dan bersahaja ketika sidang akhbar berkenaan.

Bekas Perdana Menteri dan isteri itu kemudian menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat bagi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tunjang di Masjid Felda Laka Selatan, Changloon.

Mereka turut menunaikan solat tarawih bersama rakyat sebelum pulang ke Titi Gajah.

Terdahulu, ketibaan mereka pada majlis itu disambut oleh kira-kira 100 ahli Umno yang bermotosikal di Kampung Langsung dan mengiringi mereka ke masjid.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah turut menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada 300 warga emas dan ibu tunggal di kawasan DUN itu.

Bekas Perdana Menteri turut menerima `scroll' ucapan terima kasih oleh wakil pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Hosba.